KSB
KEMAMAN SUPPLY BASE

MEMO

Kepada : Semua Pelanggan

Daripada : Jabatan Hartanah

Tarikh : 14 Oktober 2026

Rujukan : PBKSB/MEMO/PROPERTY/VOL.1/1026/010

PERKARA: CAJ BAGI STRUKTUR TAMBAHAN DI KAWASAN SEWAAN KAWASAN LAPANG DAN "MARSHALLING AREA"

Berkuatkuasa 1 Januari 2027, Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd. (PBKSB) akan mengenakan caj bagi segala pembinaan struktur tambahan atau baharu di dalam kawasan sewaan tanah lapang dan "Marshalling Area". Caj yang dikenakan adalah berdasarkan kadar berikut:

BUTIRAN	UNIT UKURAN	KADAR (RM)
Struktur Tambahan	m^2/bulan	2.00

Sila ambil perhatian bahawa sewaan tanah lapang dan "Marshalling Area" adalah terhad kepada tujuan penyimpanan peralatan kargo dan paip sahaja serta tidak merangkumi lain-lain kemudahan.

Sekiranya pelanggan memerlukan kemudahan tambahan tersebut, pihak kami boleh mencadangkan kemudahan yang bersesuaian berdasarkan keperluan pelanggan. Caj tambahan ini akan dikenakan secara berasingan selepas struktur tersebut siap dibina, berdasarkan kadar yang telah dikuatkuasa.

Bagi permohonan pembinaan, pelanggan hendaklah mendapatkan kelulusan yang diperlukan serta mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan, termasuk Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) dan pihak berkuasa lain yang berkenaan. Segala bayaran atau caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkaitan berhubung dengan permohonan, kelulusan dan pelaksanaan pembinaan tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Hartanah di talian 09-860 2222.

Yang benar,

PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN SDN BHD
198101003249 (69363-D)

WAN ABDUL AZIZ BIN WAN MOHD KAMIL
Pemangku Pengurus Besar, Pangkalan Bekalan & Sokongan

S.k. 1. Ketua Pegawai Operasi Kumpulan
2. Pengurus Kanan, Operasi & Perkhidmatan Marin
3. Pengurus Kanan, Kejuruteraan & Projek – Pangkalan Bekalan & Sokongan
4. Pengurus Kanan, Kewangan, Pangkalan Bekalan & Sokongan